

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Rukun Tetangga

Rukun Tetangga ialah pasukan sukarela yang ditubuhkan untuk membantu menjaga keselamatan penduduk setempat.

motosikal

logo

lampu suluh

jaket

kayu

Bilik

jadual

penduduk

perumahan

Rukun tetangga diwujudkan di setiap tempat tinggal seperti kawasan _____. Anggotanya terdiri daripada semua _____. Mereka mengawal tempat tinggal secara bergilir-gilir mengikut _____ yang disediakan.

Setiap kawasan atau sektor rukun tetangga yang mengendalikan Skim Rondaan Sukarela perlu mempunyai sebuah pusat rondaan sebagai pusat operasi. _____ rukun tetangga atau dewan orang ramai biasanya dijadikan pusat rondaan.

Anggota rukun tetangga membawa peralatan seperti set *walkie-talkie*, _____ dan _____ semasa pergi meronda. Mereka juga perlu memakai _____ keselamatan yang menggunakan _____ rukun tetangga.

Tugas rondaan terbahagi kepada dua kategori, iaitu rondaan berjalan kaki dan rondaan berkenderaan. Rondaan berkenderaan boleh dilaksanakan sama ada menggunakan kereta, _____ atau basikal.